

Dakwaan Datuk Chen akan dipecat dari Gerakan dinafikan

IPOH, Jumaat — Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Keng Yaik menafikan sebarang dakwaan yang Naib Presiden Gerakan, Datuk Michael Chen, akan dipecat dari parti kerana mencadangkan Gerakan bergabung dengan MCA baru-baru ini.

"Sebenarnya, Datuk Chen telah menjelaskan kepada Jawatankuasa Pusat Nasional mengenai cadangan itu dan jawatankuasa itu menerima keterangannya setelah mendapati tiada apa yang bercanggah mengenainya," jelasnya kepada para pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Katanya, tidak ada sebab mengapa Datuk Chen perlu dibuang dari parti kerana kenyataannya itu tidak memburukkan kedudukan parti.

Mesgulas mengenai cadangan bergabung itu, Datuk Dr Lim berkata, tidak mungkin Gerakan bergabung dengan MCA atau mana-mana parti dalam Barisan Nasional.

Besar

Menurutnya terdapat perbezaan dalam perlembagaan kedua parti itu.

Katanya, Gerakan ialah sebuah parti berbagai kaum manakala MCA seperti Umno dan MIC ialah sebuah parti berdasarkan kaum.

"Walaupun sejumlah besar dari ahli Gerakan ialah Cina namun perlembagaan parti adalah berdasarkan masyarakat berbagai bangsa.

"Dengan ini adalah mustahil bagi Gerakan bergabung dengan MCA kecuali salah satu pihak sanggup mengubah keadaan parti yang merupakan sesuatu yang tidak mungkin," tambahnya.

Datuk Dr Lim mengakui tentang perlu satu kata sepakat dan kerja



Datuk Michael Chen



Datuk Dr Lim

sama dicapai di antara Gerakan dan MCA.

Katanya, ini kerana keadaan perselisihan yang wujud di antara kedua parti sejak Barisan Nasional (BN) ditubuhkan pada 1974.

"Dalam konteks BN, memang terdapat perselisihan di antara Gerakan dan MCA.

"Tetapi dari segi perjuangan BN adalah perlu kedua parti berbingcing serta mencari jalan sepakat untuk mewujudkan kerjasama lebih baik bagi kebaikan semua pihak.

"Masanya telah tiba bagi MCA dan Gerakan untuk duduk berfikir bersama-sama menyelesaikan perselisihan mereka," tegasnya.

Datuk Dr Lim memberi jaminan Gerakan akan melaksanakan sebarang kata sepakat yang dapat dicapai di antara kedua parti komponen BN.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia